

PBAPP berharap Projek Pembesaran Empangan Mengkuang dapat disiapkan sepenuhnya



25/06/2020 07:53 PM

GEORGE TOWN, 25 Jun -- Pulau Pinang masih menunggu Kerajaan Persekutuan untuk melengkapkan sepenuhnya Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) sebelum pelan penyelesaian kemarau strategik dapat dilaksanakan, menurut Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

MDEP adalah projek Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk membolehkan Pulau Pinang menyediakan penyelesaian meluas dan komprehensif strategik musim kemarau untuk mengurangkan risiko perubahan iklim dan peningkatan permintaan air.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Datuk Jaseni Maidinsa berkata walaupun empangan itu telah diperbesarkan, MDEP tidak dapat berfungsi sepenuhnya sebagai penyelesaian strategik kemarau Pulau Pinang.

Menurut beliau kerja-kerja tertunggak melibatkan pemasangan saluran paip sepanjang 7 kilometer dari Rumah Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua serta pembinaan Stesen Pam Lahar Yooi.

“Tanpa saluran paip, jumlah maksimum air yang boleh dilepaskan dari empangan setiap hari adalah terhad kepada 300 juta liter sehari (MLD). Purata penggunaan air harian Pulau Pinang adalah 843 MLD pada 2019,” katanya.

Beliau berkata Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk melaksanakan projek ini dalam mesyuarat pada 2 April 2018, yang dianggarkan kos keseluruhan RM180 juta.

-- BERNAMA